| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sapura kemarau gol | | |
| MediaTitle | Berita Minggu | | |
| Date | 31 Mar 2013 | Color | Black/white |
| Section | Sukan | Circulation | 297,950 |
| Page No | 44 | Readership | 2,476,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 85 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,491 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,472 |




# Sapura kemarau gol

**Kuala Lumpur:** Sapura akur mereka masih dibelenggu masalah kesefahaman pada awal saingan musim Liga Hoki Malaysia (MHL) 2013 apabila belum lagi mencatat sebarang kemenangan dalam tiga perlawanan yang diharungi.

Di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, semalam, pasukan bimbingan bekas ketua jurulatih kebangsaan, Tai Beng Hai hanya mencatat seri 2-2 dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) - mengulangi rekod pertemuan mereka dalam saingan Divisyen Premier, tahun lalu.

Namun, Beng Hai percaya masalah dihadapi pasukan yang memiliki empat pemain import itu akan dapat diselesaikan dalam masa terdekat.

### Beng Hai positif

"Pemain import kami baru tiba kira-kira 10 hari sebelum liga bermula. Namun, daripada apa kami lihat hari ini (semalam), saya percaya rentak permainan selepas ini akan bertambah bagus dan kami mengambilnya dengan positif. Kami terima keputusan ini dengan baik," katanya.

[redacted]

**JADUAL HARI INI**

**Divisyen Premier**

- KLHC mln Nur Insafi Warriors (6tg)
- Maybank mln UniKL (6ptg)
- Terengganu mln SAPURA (8 mlm)

(Semua perlawanan di Std Hoki Nasional Bukit Jalil)